

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH
MELAKA

Oleh

WAN SAEFA I NOOR BINTI MOHAMAD
Sarjana Muda Pengurusan
(Pohsi Dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Ke : Maka

Jabatan Ekologi Dan Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

CH:2636

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaaysia (KUSTEM)

1100039857



LI 104 FPE I 2005



1100039857

Laporan akhir latihan industri di Majlis Perbandaran Alor Gajah / Wan Safiah Noor Mohamad.

PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU**

1100039857

110035837

For more information about the study, please contact Dr. Michael J. Hwang at (310) 794-3000 or email at mhwang@ucla.edu.

1100039857

Lihat sebelah


HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUST

L5
104
EPE
4
2005

Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya **WAN SAFIAH NOOR BINTI MOHAMAD**, No. Matrik UK 8440 mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi **KURSUS SOS 4299** adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berdasarkan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) , Kustem tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.


Tandatangan



Nama : Wan Safiah Noor Binti Mohamad

Tarikh : 17 Oktober 2005

Disahkan oleh:



Cik Norhayati Binti Sa'at

Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

PENGHARGAAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh/ salam sejahtera

Syukur kehadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kumiannya akhirnya saya dapat menyiapkan Laporan Industri (LI) SOS 4299 ini. Sepanjang 12 minggu, pelbagai pengetahuan dan maklumat yang saya pelajari di Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG), Melaka.

Ucapan ribuan terima kasih diucapkan kepada kedua ibu bapa dan keluarga tersayang yang banyak membantu dan memberikan dorongan kepada saya semasa menjalani Latihan Industri dan menyiapkan LI ini. Sesungguhnya keredhaan mereka adalah keredhaan Allah jua.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada Penyelia LI saya iaitu Cik Norhayati Binti Sa'at yang banyak membantu memberi panduan dan tunjuk ajar dan Penyelia Industri di MPAG Pegawai Penerangan di Jabatan Khidmat Masyarakat iaitu Pn. Zanariah Binti Hj Khamis kerana sentiasa memberikan sokongan dan membantu saya dalam memberi pelbagai maklumat berkaitan MPAG serta kepada pegawai-pegawai dan staf MPAG yang juga banyak membantu memberi jawapan semasa temubual, maklumat dan tunjuk ajar selama tiga bulan di MPAG.

Tidak lupa lupa kepada rakan-rakan yang sentiasa memberi semangat dan dorongan dan kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak diucapkan terima kasih dan semoga segala jasa anda dibalas dengan kebaikan oleh Allah S.W.T.

Sekian, terima kasih.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM), Fakulti Pengurusan dan Ekonomi telah menetapkan syarat wajib Latihan Industri (SOS 4299) ke atas pelajamya Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial iaitu sebanyak 6 jam kredit.

Ini bermakna Latihan Industri ini merupakan sebahagian syarat kepada pelajar Fakulti Pengurusan dan Ekonomi sebelum bergraduat dan dianugerahkan Sarjana Muda Pengurusan. Tujuan Latihan Industri ini adalah untuk mendedahkan para pelajar kepada alam pekerjaan yang sebenar dengan menimba sebanyak mungkin pengalaman dan ilmu pengetahuan yang terdapat dalam organisasi dan persekitarannya sama ada di jabatan swasta, badan berkanun atau pun badan kerajaan yang terlibat.

Di samping itu, para pelajar juga dapat mengetahui dan menilai kriteria-kriteria tertentu yang perlu ada pada diri seseorang individu supaya dapat memajukan diri sendiri dan masyarakat persekitarannya. Keadaan ini pastinya memberikan pengalaman pertama kepada pelajar khususnya yang dikatakan sebagai alam pekerjaan. Para pelajar juga dapat melihat suasana pekerjaan seperti etika, budaya, dan sebagainya. Selain itu Latihan Industri juga dapat memupuk keyakinan diri yang tinggi dalam diri para pelajar khususnya dalam kemahiran berkomunikasi, membuat perancangan dan keputusan selaras dengan sikap seorang pelajar Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial.

Pelatih telah menjalani Latihan Industri di Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) bagi tempoh 12 minggu bermula dari 21 Mac 2005 hingga 12 Jun 2005 dan ditempatkan di bawah Jabatan Khidmat Masyarakat dibawah seliaan penyelia industri Pn.Zanariah Binti Hj Khamis.

OBJEKTIF LATIHAN INDUSTRI

- i. Untuk mendedahkan pelajar kepada dunia pekerjaan yang sebenar.
- ii. Untuk membantu pelajar dalam merealisasi dan memperkembangkan kemahiran serta pengalaman yang diperlukan dalam persekitaran bekerja.
- iii. Untuk menggalakkan pelajar memahami kepentingan pembelajaran berterusan.
- iv. Untuk membolehkan pelajar mempraktikkan kemahiran akademik yang telah dipelajari sepanjang pengajian mereka.
- v. Untuk memberi ruang kepada majikan dalam proses membangunkan bakal graduan Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM).